



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara  
42005 Pelabuhan Klang,  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

**Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211**

**web: <http://www.pka.gov.my>  
E-mail: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)**

**MS ISO 9001 : 2015 REG. NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (3)  
Tarikh : 31 Disember 2020

**KEPADA SEMUA PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN /  
PENGIMPORT / PENGEKSPORT / OPERATOR PELABUHAN /  
OPERATOR PERKHIDMATAN LOGISTIK**

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 21/2020 -  
LANGKAH-LANGKAH MENGATASI KESESAKAN DI PELABUHAN KLANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pengangkutan Malaysia pada 28 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Lanjutan dari peningkatan serta impak negatif penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan juga di seluruh dunia, kebanyakan pelabuhan utama termasuk Pelabuhan Klang mengalami kesesakan akibat pertambahan bilangan kapal, ketibaan kapal secara serentak disebabkan kelewatan di pelabuhan-pelabuhan sebelumnya serta peningkatan pengendalian kontena di pelabuhan secara mendadak sejak bulan November 2020. Disebabkan kesesakan ini, waktu menunggu bagi kapal berlabuh di dermaga adalah selama 3 - 4 hari berbanding tidak lebih 24 jam sebelumnya selepas tiba di Pelabuhan Klang. Pada masa yang sama, penggunaan kapasiti yad kontena hampir mencapai 100% khususnya kontena *reefer*.

3. Justeru itu, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) bersama-sama kedua-dua Operator Terminal (Northport dan Westports), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Keutamaan berlabuh diberikan kepada kapal-kapal yang bilangan kontena muatan (*loading*) adalah lebih dari jumlah punggahan (*discharge*) supaya jumlah kontena di yad simpanan dapat dikurangkan;
- ii. Westports telah mewujudkan ruang tambahan untuk penyimpanan kontena termasuk kontena *reefer* dengan kemudahan bekalan letrik yang telah mula beroperasi sejak 28 Disember 2020;

- iii. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyediakan kaunter khas untuk memproses kontena *reefer* dan barangan mudah rosak (*perishable goods*) serta menambah bilangan Pegawai / Kakitangan untuk pengiklanan Borang K1 bagi memudahkan urusan pelepasan kontena *reefer*; dan
- iv. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga telah membuat penambahan bilangan Pegawai / Kakitangan untuk meningkatkan kadar pemeriksaan kontena *reefer* serta mempercepatkan proses pelepasan.

4. Sehubungan dengan itu, LPK mengarahkan pihak Konsaini untuk mempercepatkan proses pengambilan kontena dengan kadar segera dalam tempoh 24 jam selepas *gate pass* dikeluarkan dan segala kelulusan pihak JKDM dan MAQIS diperolehi agar lebih banyak kontena *reefer* yang berstatus *hold* boleh diperiksa serta mengelakkan kawasan Terminal dijadikan sebagai tempat penyimpanan.

5. Adalah juga dimaklumkan tempoh tambahan percuma yang diberikan untuk penyimpanan kontena (*additional free storage time*) mulai 1 Julai 2020 akan tamat pada 31 Disember 2020.

6. Segala kerjasama pihak Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan amat dihargai demi mengurangkan kesesakan di pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang